



MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

IKLAN JAWATAN KOSONG

TARIKH BUKA IKLAN: 11 JUN 2024

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) sebuah Pihak Berkuasa Tempatan mempelawa warganegara Malaysia **berumur tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA29

KLASIFIKASI	: Kejuruteraan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
TARAF JAWATAN	: Tetap
BILANGAN KEKOSONGAN	: 2
JADUAL GAJI	: Gaji Minimum Gaji Maksimum RM1,549.00 RM 5,701.00
1. SYARAT LANTIKAN	: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (i) Sijil dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred JA29:RM1,549.00); atau (ii) Diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred JA29:RM1,549.00);
2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau Kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
3. KEUTAMAAN	: Anak Kelahiran Melaka

CARA MEMOHON:

1. Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan MBMB (e-rekrut) sepenuhnya dengan melayari <http://e-rekrut.mbmb.gov.my/>
2. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan salinan dokumen yang diperlukan berserta dengan gambar formal terkini dan berukuran passport (Gambar swafoto/selfie tidak dibenarkan). Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
3. Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat perhubungan (nombor untuk dihubungi dan alamat emel) yang terkini.
4. Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

UJIAN BERTULIS:

1. Calon-calun yang layak perlu menduduki Ujian Bertulis yang akan dimaklumkan tarikhnya kemudian.
2. Hanya calon yang berjaya dalam Ujian Bertulis tersebut sahaja akan dipanggil untuk menghadiri peringkat temuduga.

TARIKH TUTUP IKLAN: 17 JUN 2024

Sebarang pertanyaan boleh emailkan kepada rekrut@mbmb.gov.my

PERINGATAN:

- 1) Selain daripada syarat dan keutamaan yang dinyatakan di dalam iklan, calon yang memohon juga dikehendaki untuk mematuhi perkara berikut:
 - a. Calon adalah sihat untuk berkhidmat;
 - b. Tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;
 - c. Tidak pernah dibuang kerja;
 - d. Bukan penagih dadah;
 - e. Tidak memiliki kewarganegaraan asing,
 - f. Bukan seorang bankrap;
 - g. Tidak dibersarakan atas sebab kesihatan; dan
 - h. Tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam.
- 2) Calon yang dilantik perlu akur terhadap penempatan/tempat bertugas yang ditentukan dari semasa ke semasa demi kepentingan MBMB.